



KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI SABAH
Blok C, Pusat Pentadbiran Negeri Sabah
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat
88400 KOTA KINABALU
Sabah, Malaysia
Tel.: 088-368000 Faks: 088-213584
Website: www.mof.sabah.gov.my

Tel. : 088-368179
Bil. : KEW(S)100-4/1 Klt.4
Tarikh : 17 Oktober 2018

Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Setiausaha Tetap Kementerian
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Ketua Badan Berkanun Negeri
Mayor Dewan Bandaraya Kota Kinabalu
Semua Presiden Majlis Perbandaran
Semua Pegawai Daerah
Semua Penolong Pegawai Daerah

YBhg. Datuk/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI SABAH
BIL. 2/2018 PELAKSANAAN PENDAFTARAN JURUPERUNDING
DENGAN PUSAT PENDAFTARAN KONTRAKTOR KERJA, BEKALAN
DAN PERKHIDMATAN NEGERI SABAH (PUKONSA)

1.0 TUJUAN

1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Kementerian, Jabatan, Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan, Pegawai Daerah dan Penolong Pegawai Daerah yang berkenaan mengenai dengan pelaksanaan pendaftaran firma/syarikat juruperunding dengan Pusat Pendaftaran Kontraktor Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan Negeri Sabah (PUKONSA).



2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Buat masa ini, Kementerian Kewangan Negeri hanya mengumpul data dan maklumat perkhidmatan juruperunding Negeri Sabah dimana perkhidmatan juruperunding tidak wajib didaftar di bawah PUKONSA dengan mengambilkira bahawa terdapat Jabatan dan Agensi Negeri yang juga mempunyai panel perkhidmatan juruperunding sendiri. Walau bagaimanapun bagi kemudahan semua pihak Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri maka adalah diputuskan agar semua firma/syarikat juruperunding didaftarkan dan dipusatkan di bawah PUKONSA. Ini juga bertujuan untuk membangunkan satu pusat sistem maklumat perkhidmatan juruperunding yang lebih teratur dan efisien.

3.0 MEMUSATKAN PENDAFTARAN JURUPERUNDING DI BAWAH PUKONSA

- 3.1 Mulai dari tarikh surat pekeliling ini, mana-mana Jabatan dan Agensi Negeri yang mempunyai panel perkhidmatan juruperunding perlulah memaklumkan firma/syarikat juruperunding masing-masing untuk membuat pendaftaran dengan PUKONSA.
- 3.2 Berkuatkuasa 02 Februari 2019, semua urusan berkaitan peralihan perkhidmatan juruperunding akan merujuk kepada firma/syarikat juruperunding yang telah berdaftar dengan PUKONSA.

4.0 PEMAKAIAN

- 4.1 Surat Pekeliling Kewangan ini adalah terpakai untuk semua Kementerian, Jabatan, Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan, Pegawai Daerah dan Penolong Pegawai Daerah Kerajaan Negeri Sabah.

5.0 TARIKH BERKUATKUASA

- 5.1 Surat Pekeliling Kewangan ini berkuatkuasa mulai **2 Februari 2019**.
- 5.2. Bagi projek-projek yang sedang dilaksanakan, tempoh peralihan adalah enam (6) bulan dari tarikh kuatkuasa surat pekeling ini.
- 5.3. Bagi kontraktor yang mendaftar dalam tempoh peralihan tetapi belum mendapat Sijil Pendaftaran PUKONSA, boleh mendapatkan surat pengesahan pendaftaran dalam proses daripada PUKONSA bagi tujuan mengikuti tender ataupun melaksanakan projek yang telah ditawarkan kepada syarikat berkenaan.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“JIMAT DAN PRODUKTIF”**



(DATUK PG. HASSANEL DATUK PG. HJ. MOHD. TAHIR)
Setiausaha Tetap
Kementerian Kewangan Sabah

s.k. Bendahari Negeri Sabah
Block A, Tingkat 10
Pusat Pentadbiran Negeri Sabah (PPNS)
Teluk Likas
88400 Kota Kinabalu.